

IKLAN JAWATAN (DALAMAN)
PENOLONG NAIB CANSOLOR (STRATEGIK DAN KELESTARIAN GLOBAL)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempelawa staf UTeM yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Penolong Naib Canselor (Strategik Dan Kelestarian Global) di UTeM. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut:

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	:	Penolong Naib Canselor (Strategik Dan Kelestarian Global)
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	:	Gred Utama C
Status Pelantikan	:	Secara Pertukaran Sementara
Tempoh Pelantikan	:	Satu (1) hingga tiga (3) tahun tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti
Gaji dan Imbuhan	:	Gaji dan imbuhan yang dibayar adalah berdasarkan kelayakan mengikut gred dan tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuat kuasa.

2. KELAYAKAN ASAS

- Berkhidmat sebagai staf UTeM sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun;
- Sekurang-kurangnya berada di Gred 53/54 dan ke atas; dan
- Mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran atau menjawat jawatan sebagai Ketua PTj/PBU adalah satu kelebihan.

3. BIDANG TUGAS

Menerajui pejabat-pejabat di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global) demi mencapai objektif Universiti peringkat kebangsaan serta antarabangsa dengan memberi impak kepada yang lebih berfokus dalam menentukan hala tuju universiti ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang.

Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global) bertanggungjawab:

- a) Memastikan segala perhubungan strategik dan korporat UTeM dilaksanakan berdasarkan peraturan dan mencapai objektif Universiti;
- b) Memastikan segala perancangan dan pelaksanaan dalam pemerksaan penyertaan UTeM dalam pertubuhan akademik peringkat antarabangsa serta rangkaian strategik antarabangsa dilaksanakan dan mencapai objektif Universiti;
- c) Memastikan segala perancangan dan pengurusan yang melibatkan pengurusan strategik, akreditasi dan ISO dilaksanakan secara dengan teratur dan mencapai objektif Universiti;
- d) Memastikan segala perancangan serta pengurusan berkaitan dengan kelestarian alam sekitar, keselamatan pekerjaan dan pengurusan tenaga serta teknologi hijau dilaksanakan dan dipatuhi berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- e) Memastikan segala urusan pentadbiran dan kewangan Pejabat Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global) dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

4. KRITERIA UMUM

i) Kebolehan Memimpin dan Mengurus:

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

ii) Reputasi:

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven tracks record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

iii) Personaliti:

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan insan bermentaliti kelas pertama.

iv) Tapisan:

Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), lulus tapisan keselamatan dan bebas daripada hukuman tatatertib.

5. CARA PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut:

- a) Permohonan Jawatan berserta gambar berukuran pasport (Lampiran A);
- b) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap; dan
- c) Kertas cadangan ringkasan mengenai perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global) UTeM.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya,
76100 Durian Tunggal,
Melaka.**

atau melalui emel azrinaalwi@utem.edu.my / nurayuni@utem.edu.my

Tarikh tutup permohonan: 5 Julai 2024 (Jumaat) Jam 5.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di talian: 06-2701900/1954.

Makluman:

Nota:

- a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual. UTeM berhak untuk membuat keputusan berdasarkan kriteria dan keperluan organisasi. Keputusan adalah muktamad.
- b) Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.

Lampiran A boleh dimuat turun melalui laman web layari

<https://www.utem.edu.my/ms/jawatan-kosong> atau
<https://www.utem.edu.my/en/job-vacancies>